

AKHBAR : UTUSAN

SELANGOR

MPSJ arah pemaju turap jalan

SUBANG JAYA 9 Ogos -Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengarahkan pemaju melaksanakan kerja pembersihan dan membuang sisa tumpahan simen yang berlaku di Jalan Kinrara 6, Bandar Kinrara.

Pegawai Komunikasi Korporatnya, Muhammad Azli Miswan berkata, hasil siasatan mendapati tumpahan simen itu adalah disebabkan kerja-kerja konkrit yang dijalankan pemaju.

"MPSJ juga telah mengeluarkan arahan kepada pemaju untuk menurap semula jalan tersebut bagi mengelakkan sebarang kejadian membahayakan," katanya dalam kenyataan akhbar di sini.

Kenyataan itu bagi mengulas laporan *Utusan Malaysia* baru-baru ini berhubung keadaan jalan raya rosak akibat daripada tumpahan simen di Jalan Kinrara 6, Bandar Kinrara.

PESTA BUAH-BUAHAN TEMPATAN

MAJLIS Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menjemput orang ramai memeriahkan Pesta Jualan Durian dan Buah-buahan Tempatan setiap hari Isnin hingga Ahad sepanjang bulan Ogos ini bermula pukul 10 pagi.

Pesta diadakan di Kompleks Kemudahan dan Kemasyarakatan (3K) MPSJ, Jalan SS13/1, SS13 Subang Jaya.

